

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | SESB rampas 300 kilogram kabel elektrik pelbagai saiz | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 25 Oct 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 125,514 |
| Page No | 26 | Readership | 947,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 415 cm ² |
| Journalist | JUZAIMIE JAZLAN | AdValue | RM 14,305 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 42,916 |



SESB rampas 300 kilogram kabel elektrik pelbagai saiz

➔ Operasi kesan sambungan haram di kawasan setinggan

Oleh Juzaimie Jazlan

bhnews@bh.com.my

► Sandakan

Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) merampas kira-kira 300 kilogram (kg) kabel elektrik pelbagai saiz yang dipercayai digunakan untuk membuat penyambungan elektrik haram di daerah ini.

Rampasan dibuat menerusi operasi bersepadu dua hari SESB berakhir kelmarin, bersama agensi berkaitan bagi membanteras kegiatan haram itu di kawasan setinggan Batu Sapi dan Batu 3, di sini.

Pengurus Besar Kanan (Pengurusan Aset) SESB, Muhamad Nazri Pazil, berkata kegiatan mencuri elektrik melalui penyambungan haram khususnya di kawasan setinggan adalah antara punca utama kekerapan gangguan bekalan di daerah ini.

Pihaknya menganggarkan 178,000 rumah setinggan di Sabah terbabit dalam kegiatan penyambungan elektrik secara haram, membabitkan kerugian RM64 juta setahun.

“SESB berharap operasi seperti ini akan ditingkatkan kerana penyambungan haram boleh menye-

babkan renjatan atau kemalangan maut kepada pelaku serta orang awam,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Operasi bersepadu

Operasi turut membabitkan Suruhanjaya Tenaga (ST), Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), polis dan tentera, Pasukan Gerakan Am (PGA), Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Air Negeri Sabah serta Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Sabtu lalu, tiga pemilik rumah di Kampung Mangkalinau di sini, ditahan selepas didapati mencuri bekalan elektrik dengan melakukan penyambungan haram untuk kegunaan kediaman mereka, susulan operasi bersepadu ST dan SESB.

Mereka yang didapati bersalah melakukan penyambungan haram boleh disabitkan mengikut Seksyen 37 (3) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Pindaan) 2015 yang memperuntukkan denda tidak kurang RM50,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | SESB rampas 300 kilogram kabel elektrik pelbagai saiz | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 25 Oct 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 125,514 |
| Page No | 26 | Readership | 947,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 415 cm ² |
| Journalist | JUZAIMIE JAZLAN | AdValue | RM 14,305 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 42,916 |



| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | SESB rampas 300 kilogram kabel elektrik pelbagai saiz | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 25 Oct 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 125,514 |
| Page No | 26 | Readership | 947,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 415 cm ² |
| Journalist | JUZAIMIE JAZLAN | AdValue | RM 14,305 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 42,916 |



Kakitangan SESB memeriksa kabel yang dirampas di kawasan setinggan Batu Sapi dan Batu 3, Sandakan, semalam.